



PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 2/2001
PENGUNAAN LOGO MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DI
BAWAH SKIM PROLUS / PERLA MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi kebenaran kepada mana-mana penyedia latihan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) di bawah Skim PROLUS / PERLA dan juga Persatuan-Persatuan Majikan yang terlibat dalam pembangunan sumber manusia di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) bagi penggunaan Logo Majlis pada:-
- 1.1.1 iklan yang dikeluarkan dalam akhbar untuk tujuan mempromosikan latihan yang ditawarkan; dan
 - 1.1.2 laman web (website) penyedia latihan atau persatuan majikan untuk dihubungkan dengan laman web Majlis.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Pihak Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan Persatuan Majikan berpendapat bahawa Logo MPSM perlu digunakan bagi tujuan mempromosi aktiviti-aktiviti latihan supaya penggunaan logo di kalangan majikan kecil untuk tujuan latihan dapat dipertingkatkan.
- 2.2 Disamping itu, pihak Majlis juga ingin menggalakkan penyedia latihan supaya lebih giat dalam menawarkan program-program latihan yang berkualiti melalui pelbagai aktiviti promosi yang dibuat secara meluas.
- 2.3 Lanjutan daripada perkara tersebut, Majlis dalam mesyuaratnya pada 28 November 2000 telah meluluskan penggunaan Logo MPSM oleh Persatuan Majikan dan Penyedia Latihan dengan syarat membuat permohonan dan menyempurnakan perjanjian seperti yang dikehendaki oleh pihak MPSM.

3.0 PERJANJIAN LOGO MPSM

- 3.1 Pihak Majlis hanya membenarkan Penyedia Latihan berdaftar dengan MPSM dan juga Persatuan-persatuan Majikan yang terlibat dalam pembangunan sumber manusia dibawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia boleh memohon untuk menggunakan Logo MPSM di iklan-iklan, brosur atau apa jua media dengan tujuan untuk mempromosikan program-program latihan yang diluluskan oleh MPSM.

3.2 Kebenaran penggunaan Logo MPSM adalah berdasarkan kepada syarat-syarat berikut:-

3.2.1 Kebenaran dan kelonggaran yang diberikan adalah dalam bentuk LOGO Majlis mengikut contoh di bawah ini sahaja dan tidak sama dengan kenyataan-kenyataan lain.



MPSM atau HRDC

3.2.2 Penyedia Latihan/Persatuan Majikan adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali untuk mengelirukan majikan dengan menggunakan kenyataan seumpama "**SBL PRIOR APPROVAL**" atau "**SBL PRE-APPROVED**" untuk menarik minat majikan.

3.2.3 Bagi latihan di bawah Skim PROLUS, PERLA DAN SBL-PKS, penyedia latihan juga adalah tidak dibenarkan untuk mengeluarkan kenyataan seperti "**PROGRAM YANG DILULUSKAN DI BAWAH SKIM PROLUS**", "**PROGRAM YANG DILULUSKAN DI BAWAH SKIM PERLA**" atau "**PROGRAM YANG DILULUSKAN DI BAWAH SKIM SBL-PKS**" kerana ini akan membawa maksud bahawa semua tuntutan geran latihan di bawah skim-skim ini akan dibayar oleh majlis tanpa meneliti item-item kos yang dituntut terlebih dahulu.

3.2.4 Kebenaran dan kelonggaran yang diberikan ini semata-mata bertujuan untuk mewujudkan hubungan strategik di antara Majlis dengan penyedia latihan/persatuan majikan bagi mengalakkan lagi majikan menjalankan latihan untuk pekerja-pekerja mereka. Walau bagaimanapun, penyedia latihan/persatuan majikan adalah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya tuntutan yang dikemukakan oleh majikan ditolak dan tidak dapat dibayar kerana tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

3.2.5 Contoh perjanjian Logo MPSM bagi Penyedia Latihan adalah seperti di [Lampiran 1](#) dan Persatuan Majikan pula adalah seperti di [Lampiran 2](#).

4.0 PENUTUP

4.1 Urusetia Majlis berharap pihak Penyedia Latihan atau Persatuan Majikan yang berminat untuk menggunakan Logo MPSM dapat memberi kerjasama bagi mematuhi peraturan-peraturan perjanjian yang telah ditetapkan dalam usaha mempromosi aktiviti-aktiviti latihan.

4.2 Pekeliling Penyedia Latihan Bil. 2/2001 berkuatkuasa mulai **1 Februari 2001**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

" LATIHAN TERANCANG PEMANGKIN KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah,

(SHAHRIL BIN HASSAN)

Pengarah Bahagian Pembangunan Sumber Latihan

b.p. Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia

s.k : Semua Majikan Berdaftar Dengan MPSM

